



PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

JPM.MITRA.100-9/1/1 (34)

KENYATAAN MEDIA PROGRAM LATIHAN PELABURAN DAN KARNIVAL SAHAM MITRA TAHUN 2024/2025

PUTRAJAYA, 17 FEBRUARI 2025 – 2. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah menaja Program Latihan Pelaburan atau dikenali sebagai Malaysian Indian Investment Programme (MIIP) bagi tahun 2024/25 dengan kerjasama Bursa Malaysia Berhad sebagai salah satu usaha dalam menaik taraf sosio-ekonomi Masyarakat India dalam pegangan ekuiti melalui pelaburan saham. Program ini dilaksanakan sejajar dengan aspirasi Kerajaan dan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa prihatin dan juga menekankan pentingnya usaha memperkasa dan memperkukuhkan komuniti India Malaysia agar lebih inklusif dalam pembangunan ekonomi negara selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah menaja Program Latihan Pelaburan atau dikenali sebagai *Malaysian Indian Investment Programme* (MIIP) bagi tahun 2024/25 dengan kerjasama Bursa Malaysia Berhad sebagai salah satu usaha dalam menaik taraf sosio-ekonomi Masyarakat India dalam pegangan ekuiti melalui pelaburan saham.

Melalui program latihan ini para belia berupaya untuk memperkasa diri dengan kemahiran pelaburan, pendedahan kepada mekanisme pasaran saham dan mengenal pasti strategi pelaburan yang sesuai berdasarkan matlamat kewangan individu. Dengan bimbingan daripada pakar pelaburan, para peserta juga dapat menimba ilmu dan membina keyakinan apabila melibatkan diri dalam pelaburan saham atau menceburi kerjaya dalam bidang kewangan serta pelaburan.

Masyarakat India dalam pegangan ekuiti melalui pelaburan saham. Kerajaan sentiasa prihatin dan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim juga menekankan pentingnya usaha memperkasa dan memperkukuhkan komuniti India Malaysia agar lebih inklusif dalam pembangunan ekonomi negara selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI

MIIP ini dibahagi kepada tiga peringkat iaitu:

- Tahap 1 (Beginner Level) kepada 500 peserta,
- Tahap 2 (Intermediate Level) kepada 300 peserta dan
- Tahap 3 (Advanced Level) kepada 150 peserta.

150 Peserta Tahap 3 (Advanced Level) juga akan diberi penempatan perkerjaan dalam sektor pelaburan kewangan.

Program ini telah selesai dilaksanakan bagi 450 peserta bagi Zon Tengah di Kuala Lumpur dan sedang dijalankan di dua lokasi melibatkan Zon Utara di Pulau Pinang, dan Zon Selatan di Johor Bahru. Program yang sedang dilaksanakan di Pulau Pinang hari ini adalah untuk Tahap 2 melibatkan 60 peserta.

Sebarang pertanyaan berkenaan MIIP 2024/25 boleh menghubungi MITRA atau Bursa melalui talian 03-88711180 atau 03-20347401 bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada sek@mitra.gov.my atau ravikumar@bursamalaysia.com.

-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
17 FEBRUARI 2025**